

**KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN
SEMINAR BELANJAWAN 2025
14 JANUARI 2025**

**TOPIK 1
CADANGAN BELANJAWAN 2025**
(Dikemaskini sehingga 12 Februari 2025)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
CUKAI DIVIDEN		
1	Since dividends have been tracked by invoicing, will taxpayers have to track again or lhdn will have a summary in the system like how pcb is deducted	Currently, taxpayers distributing profits to its shareholders issues dividend vouchers or dividend warrants to its shareholders. Upon implementation of e-Invoice in Malaysia, taxpayers that are not entitled to deduct tax under Section 108 of the Income Tax Act 1967 and taxpayers who are listed on Bursa Malaysia will be exempted from issuing self-billed e-Invoice on dividend distribution. However, taxpayers and shareholders are reminded to retain sufficient records and documentation related to the transaction.
2	How will estimated tax calculated using cp500 if the taxpayer is also paying PCB.	PCB adalah mekanisme potongan untuk pendapatan penggajian sahaja. Bagi pendapatan dividen, potongan cukai adalah melalui CP500 mengikut permohonan pembayar cukai. CP500 yang dikeluarkan tersebut adalah berasingan daripada PCB.
3	how to include the estimated amount of 2% dividend tax in the PCB of director?	
4	Assalam, dividen 2% hanya utk individu sahaja? Utk organisasi tidak terlibat? Boleh terang semula kadar cukai 24%.	Mulai tahun taksiran 2008, sistem satu peringkat (single-tier dividend) diperkenalkan bagi menggantikan sistem imputasi untuk mengenakan cukai pendapatan muktamad ke atas pendapatan bercukai syarikat berdasarkan kadar cukai semasa syarikat (24%). Mulai tahun taksiran 2025, Cukai Dividen dikenakan ke atas pembayar cukai individu yang menerima pendapatan dividen melebihi RM100,000. Sistem satu peringkat masih dilaksanakan di Malaysia.
5	adakah pemegang saham korporat tertakluk kepada dividend 2% ?	Cukai Dividen hanya dikenakan ke atas pembayar cukai individu.
6	Payer of dividend need to withhold the tax?	Tiada cukai pegangan dikenakan ke atas dividen yang diterima oleh pembayar cukai. Pendapatan dividen yang diterima melebihi RM100,000 perlu dilaporkan oleh pembayar cukai di dalam BNCP.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7	The dividend received will report at the end of the year in Borang B/BE. Or we pay the 2% tax during the month that a received the dividend like those agent received commission >100k in current month?	Pendapatan dividen yang diterima oleh individu melebihi RM100,000 perlu dilaporkan di dalam Borang B/BE.
8	Dividen yg diterima oleh organisasi dikecualikan dari pengiraan cukai? Adakah dividen yg diterima organisasi dibayar selepas tolakan cukai atau sebaliknya? Sebab kadar cukai yg dikenakan 24%	Ya, tiada potongan cukai dibuat atas dividen yang diagihkan kepada pembayar cukai. Kadar cukai 24% telah dikenakan kepada syarikat.
9	If a company receive foreign dividend. Then the company itself then declare dividend to individual. Is this dividend subject to individual tax also? Assume this individual dividend is more than RM 150k	Pendapatan dividen luar negara yang diterima oleh syarikat adalah dikecualikan cukai di bawah P.U.(A) 235/2022 tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Seterusnya apabila syarikat tersebut mengagihkan dividen kepada pemegang saham individu, dividen yang diterima oleh pemegang saham individu adalah tertakluk kepada Cukai Dividen sekiranya melebihi RM100,000.
10	Selamat Petang, Ada formula untuk kira dividend 2%? Cukai ini boleh tolak relief?	Pengiraan Cukai Dividen akan diperincikan di dalam garis panduan yang akan dikeluarkan oleh LHDNM kelak.
DUTI SETEM		
11	Puan Halinda, may i know? Under Stamp Duty Act, we need to stamp all employees contract. Is it right? If yes, how to do stamping for all employees employment contract by online?	Ya. Semua surat cara yang boleh dikenakan duti dan disempurnakan oleh mana-mana orang di Malaysia hendaklah dibawa kepada Pemungut untuk dtaksir dan disetamkan. <i>Employees Contract</i> boleh dikenakan duti di bawah Butiran 4 atau Butiran 22 Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Penyeteman boleh dibuat melalui sistem STAMPS. Kemasukan maklumat dan surat cara adalah melalui ID ejen.
12	Assalamualaikum, bagi pengecualian duti Sek. 35(1) dikenakan duti rm10 sekiranya trpdt nilai balasan. Tetapi sekiranya 0, duti juga adalah 0 melalui STAMPS. Adakah duti tetap boleh dipakai?	Perenggan 1 Seksyen 35, Pengecualian Am Jadual Pertama Akta Setem 1949 adalah ke atas surat cara yang layak dikecualikan daripada duti sama ada nilai balasan dinyatakan ataupun tidak di dalam surat cara. RM10 adalah fi pemprosesan bagi setiap surat cara yang dikecualikan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
13	Does the SDSAS apply to transfer of company shares ?	STSDS terpakai ke atas semua surat cara secara berperingkat termasuk pindah milik saham syarikat. SDSAS bagi pindah milik saham akan dilaksanakan dalam Fasa 3.
14	Puan Halinda, how to determine the stamp duty amount for share transfer under self assessment ?	Penyeteman secara STS untuk pindah milik saham adalah dalam Fasa 3. Modul pelaksanaan penyeteman bagi surat cara tersebut akan dimaklumkan kelak.
INSENTIF		
15	Boleh jelaskan lebih detail untuk pelepasan disebabkan memberi 'sumbangan' kepada satu organisasi sukan untk melatih pemain. Jadi camna ya utk dapatkan pelepasan cukai sumbangan?	Secara umumnya, sumbangan kepada satu organisasi sukan untuk melatih pemain boleh mendapat pengecualian cukai dengan membuat permohonan kepada MOF di bawah subseksyen 44(11B) ACP.
16	Sekiranya syarikat memberi child care allowance kepada pekerja, adakah syarikat perlu meminta resit dari pekerja sebagai supporting document atau tidak?	Resit tidak diperlukan bagi membuktikan elaun yang dibayar. Jumlah elaun penjagaan anak yang dibayar oleh syarikat kepada pekerja perlu dinyatakan di dalam Borang EA pekerja bagi membuktikan elaun tersebut dibayar oleh syarikat.
PELEPASAN		
17	Pembelian peranti Perubatan pengesahan sendiri adakah termasuk mesin glucose meter (check sugar diabetes)? Ini hanya untuk sendiri/pasangan? Boleh claim kalau beli untuk ibu bapa?	Pembelian peranti perubatan pengesahan sendiri yang dibenarkan adalah termasuk mesin <i>glucose meter</i> dan peranti tersebut mestilah didaftarkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 dan digunakan untuk diri sendiri, pasangan dan anak sahaja. Pembelian peranti untuk ibu bapa tidak dibenarkan dituntut.